



SinarHarian



SinarOnline



SinarHarian



sinarharian



Sinar Harian



Sinar Harian Official




>> KHAS > COVID-19 > Fasa tiga PICK Lembah Klang bermula Isnin

Fasa tiga PICK Lembah Klang bermula Isnin

MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID | | 21 Jun 2021





Khairy Jamaluddin

A- A⁺

PUTRAJAYA - Fasa tiga Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bagi Lembah Klang akan bermula pada Isnin.

Menteri Penyelaras PICK, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, menerusi fasa berkenaan, kerajaan akan membuka kepada mereka yang telah berdaftar untuk menerima vaksinasi sejak 23 Februari lalu terutama warga emas.

“Ketetapan tersebut dibuat selepas 99 peratus warga emas di Lembah Klang dan 88 peratus di Selangor yang berdaftar untuk mendapatkan vaksin, telah menerima suntikan dos pertama atau mendapat tarikh janji temu masing-masing.

“Kita membuat keputusan mempercepatkan fasa tiga. Fasa tiga ini sebenarnya telah bermula di beberapa daerah yang lain, contohnya Putrajaya sudah bermula fasa tiga beberapa minggu lepas disebabkan warga emas di kawasan itu telah selesai disuntik.

“Daripada kita tunggu selesai 100 peratus yang berdaftar untuk mendapat suntikan vaksin, saya buat keputusan kita mulakan fasa tiga ini (selepas warga emas selesai disuntik) supaya fasa itu dapat dicepatkan.

“Mana-mana negeri yang telah mencapai 90 peratus pemberian vaksin dos pertama atau mereka yang berdaftar telah mendapat tarikh janji temu, maka kita akan buka fasa ketiga program imunisasi ini,” katanya.

Dalam pada itu, Khairy Jamaluddin menjelaskan, prestasi Malaysia dalam pemberian suntikan vaksin adalah baik malah sangat kompetitif jika dibandingkan dengan beberapa negara jiran, serta tidak jauh ketinggalan dengan Jepun yang merupakan negara maju di Asia.

Israel dilanda gempa bumi

“Sebenarnya kapasiti pemberian (suntikan vaksin) bukan masalah, tapi (masalah) ialah jadual penghantaran vaksin disebabkan vaccine inequality reduced supply dunia dan kerajaan sedaya upaya berusaha mendapatkan vaksin secepat mungkin.

"Kita akan dapat bekalan 12.8 juta dos vaksin pada Julai dan 14.4 juta pada Ogos tertakluk kepada penghantaran, ini perjanjian yang diberikan oleh pembekal dan ini akan membolehkan kita mencapai sasaran 80 peratus daripada populasi di negara ini mendapat suntikan vaksin lebih awal daripada bulan Disember," katanya.

Paling Terkini: Harga saham Digi dan Axiata meningkat X

Fasa tiga PICK Lembah Klang

Khairy Jamaluddin Abu Bakar

Artikel ini ialah © 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangkraf. Sebarang salinan tanpa kebenaran akan dikenakan tindakan undang-undang

Artikel Berkaitan



Penyertaan sektor korporat bantu Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan

PUTRAJAYA - Penyertaan korporat dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan akan membantu merancakkan pendaftaran dan komunikasi terutama di kawasan...



Fasa kedua Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bermula 19 April

PUTRAJAYA - [DIKEMASKINI] Fasa kedua Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang mengutamakan warga emas, orang kurang upaya dan golongan berpenyakit...



Program Imunisasi percuma dijangka rancakkan industri pelancongan

SHAH ALAM - Usaha kerajaan membenarkan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dilakukan secara percuma dijangka menghidupkan kembali ekonomi...

Israel dilanda gempa bumi

53,287 orang terima suntikan pertama vaksin Covid-19

SHAH ALAM - Seramai 53,287 individu telah menerima suntikan pertama vaksin Covid-19 dalam fasa pertama Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK)... [Read Next Story >](#)



Fasa empat PICK di Labuan dalam tempoh terdekat



SHAH ALAM - Fasa Empat Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan sebagai fasa kawalan wabak akan dilaksanakan di seluruh Labuan dalam tempoh terdekat bagi...



Lima lagi PPV mega dibuka di Lembah Klang: Khairy

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan menambah lima lagi pusat pemberian vaksin (PPV) mega di Lembah Klang bagi meningkatkan kapasiti pemberian vaksin bermula...

An advertisement for Miracaps Apriplus. The headline reads "Sakit Lutut Tak Boleh Lidi" (Knee pain can't move). It features two bottles of Miracaps Apriplus and a portrait of a smiling man. The tagline says "Lepas amal Miracaps tak terasa. Boleh solat". Below the image, it states "Disyorkan Doktor Pakar Azrul - Berkesan 5X Lebih Cepat".

TERKINI | POPULAR

- 1** Harga saham Digi dan Axiata meningkat
- 2** Gesa RUU Gangguan Seksual dibentang pada sidang Parlimen...
- 3** Copa America: Chile tempah slot kalah mati
- 4** Ada 'emain simpanan' UMNO sudah tandatangan...
- 5** 'Kewangan kami lebih stabil'

Israel dilanda gempa bumi

[Read Next Story >](#)

Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

[Langgan](#)

Israel dilanda gempa bumi

[Read Next Story >](#)

Israel dilanda gempa bumi

[Read Next Story >](#)

Apakah reaksi anda?

Powered by  Vuukle



Gembira 0%




Biasa Jer 0%



Terhibur 0%



Teruja 0%



Marah 0%



Sedih 0%

Lilangkan segala kesakitan di seluruh badan tanpa sebarang rawatan!

ERITA & SAINS MALAYSIA | Sponsored

Cawan (Sebelum Tidur), Membakar Lemak Perut Seperti Gila.

Itra Fast Keto Boost | Sponsored

Janjaran Besar Bagi orang Malaysia Yang Dilahirkan Sebelum Tahun 1981
Israel dilanda gempa bumi

Survey Compare | Sponsored

[Read Next Story >](#)